

D.R. 33/2006

RANG UNDANG-UNDANG  
HAKMILIK ANAK NEGERI LABUAN 2006

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PEGANGAN ANAK NEGERI DAN DAFTAR HAKMILIK  
ANAK NEGERI

3. Anak negeri disifatkan sebagai pegangan anak negeri
4. Daftar Hakmilik Anak Negeri
5. Peruntukan tentang memorial pada dokumen hakmilik
6. Pemberian hakmilik tanah sebagai pegangan anak negeri
7. Permohonan bagi pendaftaran tanah sebagai pegangan anak negeri
8. Permohonan bagi pembatalan pegangan anak negeri

BAHAGIAN HI

SEKATAN KE ATAS URUSAN MENGENAI PEGANGAN  
ANAK NEGERI

9. Sekatan tentang pemindahan hakmilik dan pajakan
10. Sekatan tentang urusan oleh wakil
11. Sekatan tentang kaveat berdasarkan lien melalui pendepositan hakmilik
12. Sekatan tentang kaveat persendirian
13. Sekatan tentang kebankrapan
14. Sekatan tentang penahanan dalam pelaksanaan
15. Sekatan tentang amanah
16. Sekatan tentang pemberian probet dan surat kuasa mentadbir

BAHAGIAN IV

PEGANGAN ANAK NEGERI BOLEH DIJUAL, DIPAJAKKAN,  
DIPINDAHKAN HAKMILIK, DSB.

17. Penjualan oleh pembeban

## *Rang Undang-Undang*

### Fasal

18. Pegangan anak negeri boleh dipajakkan atau dipindahkan hakmilik kepada Perbadanan Labuan atau Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
19. Pegangan anak negeri boleh digadaikan kepada institusi kewangan
20. Pegangan anak negeri boleh dipindahkan hakmilik kepada badan berkanun, koperasi dan pertubuhan
21. Amanah Raya Berhad disifatkan sebagai anak negeri dalara hal tertentu
22. Urusan yang berlawanan dengan Akta batal
23. Kes yang meragukan hendaklah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi
24. Akta terpakai terhadap peruntukan undang-undang lain

### BAHAGIAN V RIZAB

#### ANAK NEGERI

25. Rizab Anak Negeri

### BAHAGIAN VI

#### PELBAGAJ

26. Kuasa Menteri untuk membuat kaedah
27. Pengecualian fi  
JADUAL PERTAMA  
JADUAL KEDUA  
JADUAL KETIGA

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran hakmilik anak negeri di Labuan dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri, urusan mengenai pegangan anak negeri dan pengisytiharan Rizab Anak Negeri dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

## **Tajuk ringkas, pemakaian dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006.

(2) Akta ini terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

(3) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

## **Tafsiran**

2. (1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

"anak negeri" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam seksyen 2 Ordinan Tafsiran (Takrif Anak Negeri) 1952 [*Sabah Bab 64*] sebagaimana terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan menurut kuasa Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tafsiran (Takrif Anak Negeri)) 1984 [*RU. (A) 171/1984*];

"badan berkanun" ertinya badan berkanun Persekutuan;

"Daftar Hakmilik Anak Negeri" ertinya Daftar Hakmilik Anak Negeri yang disebut dalam seksyen 5;

"Jawatankuasa Kerja Tanah" ertinya Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 12(1) Kanun;

"Kanun" ertinya Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] sebagaimana yang diperluas dan terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan menurut kuasa Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pemluasan dan Ubah Suaian Kanun Tanah Negara 2006 [*P.U. (A) 12006*]);

"komuniti anak negeri" mempunyai erti yang diberikan kepada "anak negeri" dalam seksyen 2 Ordinan Tafsiran (Takrif Anak Negeri) 1952 sebagaimana terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan menurut kuasa Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian Ordinan Tafsiran (Takrif Anak Negeri))1984;

"Mahkamah Tinggi" ertinya Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi tanah di Wilayah Persekutuan Labuan;

"Ordinan Tanah" ertinya Ordinan Tanah Sabah [*Bab 68*] sebagaimana terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan menurut kuasa Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Ubah Suaian Ordinan Tanah) 1984 [*P.U. (A) 291/1984*];

"pegangan anak negeri" ertinya mana-mana tanah yang didaftarkan atas nama seseorang anak negeri;

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Hakmilik yang dilantik di bawah subseksyen 12(1B) Kanun dan termasuklah Timbalan Pendaftar Hakmilik;

"Pengarah Negeri" ertinya Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Labuan yang dilantik di bawah subseksyen 12(1B) Kanun dan termasuklah Timbalan Pengarah Tanah dan Galian;

"Rizab Anak Negeri" ertinya Rizab Anak Negeri yang disebut dalam seksyen 25;

"tanah persekutuan" ertinya mana-mana tanah di Wilayah Persekutuan Labuan yang belum dilupuskan mengikut apa-apa cara;

"Wilayah Persekutuan Labuan" ertinya Wilayah Persekutuan Labuan sebagaimana yang diperihalkan di bawah seksyen 2 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984 [*Akta A585*].

(2) Bagi maksud Akta ini, sesuatu syarikat, koperasi atau pertubuhan hendaklah, jika dan selagi tiap-tiap anggota syarikat, koperasi atau pertubuhan itu merupakan anak negeri, disifatkan sebagai anak negeri, walau apa pun takrif "anak negeri" dalam seksyen ini.

## BAHAGIAN II

### PEGANGAN ANAK NEGERI DAN DAFTAR HAKMILIK ANAK NEGERI

#### **Hakmilik anak negeri disifatkan sebagai pegangan anak negeri**

3. (1) Mana-mana hakmilik anak negeri yang didaftarkan di bawah Ordinan Tanah hendaklah disifatkan sebagai pegangan anak negeri apabila Akta ini mula berkuat kuasa dan hakmilik anak negeri itu hendaklah didaftarkan dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri oleh Pendaftar.

(2) Jawatankuasa Kerja Tanah boleh menambah kepada, atau membatalkan daripada, Daftar Hakmilik Anak Negeri mana-mana pegangan anak negeri dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya patut.

#### **Daftar Hakmilik Anak Negeri**

4. (1) Daftar Hakmilik Anak Negeri hendaklah dalam Borang 1 Jadual Pertama.

(2) Daftar Hakmilik Anak Negeri hendaklah disenggarakan oleh Pendaftar dari semasa ke semasa mengikut apa-apa keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja Tanah.

**Peruntukan tentang memorial pada dokumen hakmilik**

5. (1) Apabila Akta ini mula berkuat kuasa, Pendaftar hendaklah membuka Daftar Hakmilik Anak Negeri dan mendaftarkan semua hakmilik anak negeri yang sedia ada dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri.

(2) Apabila hakmilik anak negeri yang sedia ada didaftarkan dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri, Pendaftar hendaklah membuat memorial yang serupa bagi hakmilik anak negeri itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Pertama pada tiap-tiap dokumen hakmilik daftaran yang disenaraikan dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri.

(3) Apabila apa-apa memorial telah dibuat pada apa-apa dokumen hakmilik daftaran bagi mana-mana tanah di bawah subseksyen (2), Pendaftar hendaklah melalui notis dalam Borang 3 Jadual Pertama menghendaki tuan punya tanah itu atau mana-mana orang lain yang memiliki dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu supaya menyerahkan dokumen hakmilik keluaran itu dan apabila diserahkan sedemikian hendaklah membuat memorial yang serupa pada dokumen hakmilik keluaran itu sebagaimana yang dibuat pada dokumen hakmilik daftaran bagi tanah itu.

**Pemberian hakmilik tanah sebagai pegangan anak negeri**

6. (1) Jawatankuasa Kerja Tanah boleh, jika difikirkannya patut, memutuskan bahawa mana-mana tanah yang diluluskan bagi pemberian hakmilik hendaklah didaftarkan sebagai pegangan anak negeri.

(2) Apabila pegangan anak negeri itu didaftarkan dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri, Pendaftar hendaklah membuat memorial yang serupa bagi pegangan anak negeri sebagaimana dalam subseksyen 5(2) pada dokumen hakmilik daftaran dan dokumen hakmilik keluaran.

**Permohonan bagi pendaftaran tanah sebagai pegangan anak negeri**

7. (1) Mana-mana anak negeri boleh memohon kepada Pendaftar dalam Borang 4 Jadual Pertama bagi kemasukan tanahnya sebagai pegangan anak negeri dan hendaklah didaftarkan dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri.

(2) Apabila permohonan dibuat di bawah subseksyen (1) oleh tuan punya itu, Pendaftar hendaklah mendaftarkan tanah itu dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri dan hendaklah membuat memorial yang serupa sebagaimana dalam subseksyen 5(2) pada dokumen hakmilik daftaran dan dokumen hakmilik keluaran bagi tanah itu.

### **Permohonan bagi pembatalan pegangan anak negeri**

**8.** (1) Tuan punya mana-mana pegangan anak negeri boleh memohon kepada Pendaftar dalam Borang 5 Jadual Pertama supaya tanahnya dibatalkan daripada menjadi pegangan anak negeri.

(2) Apabila menerima permohonan itu, Pendaftar hendaklah merujuk permohonan itu kepada Jawatankuasa Kerja Tanah untuk keputusan.

(3) Pendaftar hendaklah memberitahu pemohon itu mengenai keputusan Jawatankuasa Kerja Tanah melalui notis dalam Borang 6 Jadual Pertama.

(4) Dalam hal jika permohonan itu diluluskan, Pendaftar hendaklah mengkensel —

- (a) memorial pada pegangan anak negeri daripada dokumen hakmilik daftaran dan dokumen hakmilik keluaran itu; dan
- (b) pendaftaran tanah itu sebagai pegangan anak negeri dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri.

### **BAHAGIAN III**

#### **SEKATAN KE ATAS URUSAN MENGENAI PEGANGAN ANAK NEGERI**

#### **Sekatan tentang pemindahan hakmilik dan pajakan**

**9.** Tertakluk kepada seksyen 18, 19 dan 20, tiada pegangan anak negeri boleh dipindahkan hakmilik, dipajakan atau selainnya dilupuskan kepada bukan anak negeri, dan tiada memorandum pindah hakmilik atau pajakan yang melanggar seksyen ini boleh didaftarkan di Pejabat Tanah Labuan.

**Sekatan tentang urusan oleh wakil**

10. Tiap-tiap memorandum pindah hakmilik, gadaian atau pajakan pegangan anak negeri yang dilaksanakan bagi pihak tuan punyanya oleh mana-mana bukan anak negeri yang berupa sebagai bertindak sebagai wakil bagi tuan punya itu hendaklah batal dan tiada memorandum pindah hakmilik, gadaian atau pajakan boleh didaftarkan di Pejabat Tanah Labuan.

**Sekatan tentang kaveat berdasarkan lien melalui penempatan hakmilik**

11. Tiada lien melalui penempatan dokumen hakmilik keluaran bagi mana-mana pegangan anak negeri sebagai cagaran bagi sesuatu hutang boleh diwujudkan yang memihak kepada mana-mana orang, dan tiada kaveat yang menyokong mana-mana lien melalui penempatan boleh didaftarkan di Pejabat Tanah Labuan.

**Sekatan tentang kaveat persendirian**

12. Tiada kaveat persendirian boleh dimasukkan pada mana-mana pegangan anak negeri oleh mana-mana bukan anak negeri.

**Sekatan tentang kebangkrapan**

13. Tiada pegangan anak negeri boleh terletak hak pada Ketua Pengarah Insolvensi apabila tuan punya pegangan anak negeri itu bankrap, melainkan jika petisyen kebangkrapan yang berdasarkannya tuan punya itu dihukum bankrap telah difailkan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

**Sekatan tentang penahanan dalam pelaksanaan**

14. Tiada pegangan anak negeri boleh ditahan dalam melaksanakan sesuatu dekri atau perintah mana-mana mahkamah melainkan jika guaman atau prosiding yang dalamnya dekri atau perintah itu dibuat telah dimulakan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

**Sekatan tentang amanah**

15. Tiap-tiap amanah atau amanah yang dikatakan, sama ada amanah itu dinyatakan, tersirat atau konstruktif yang berupa sebagai diwujudkan berkenaan dengan mana-mana pegangan anak

negeri oleh tuan punyanya yang memihak kepada atau bagi faedah mana-mana bukan anak negeri hendaklah batal dan tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan oleh mana-mana mahkamah.

**Sekatan tentang pemberian probet dan surat kuasa mentadbir**

**16.** Tiada pemberian probet atau surat kuasa mentadbir boleh berkuat kuasa untuk meletak hak mana-mana pegangan anak negeri pada mana-mana wasi atau pentadbir yang bukan seorang anak negeri.

BAHAGIAN IV

PEGANGAN ANAK NEGERI BOLEH DIJUAL, DIPAJAKKAN,  
DIPINDAHKAN HAKMILIK, DSB.

**Penjualan oleh pembeban**

**17.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika mana-mana pegangan anak negeri yang dimasukkan dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri dibebankan, pegangan itu boleh dijual atas kehendak pembeban di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa pada masa ini.

(2) Tiada pegangan sedemikian boleh dijual kepada mana-mana bukan anak negeri jika pada tarikh pendaftaran bebanan itu, tuan punya tunggal atau mana-mana tuan punya bersama tanah itu ialah seorang anak negeri dan pegangan itu adalah pada tarikh itu dimasukkan dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri selepas permulaan kuat kuasa Akta ini.

(3) Dalam seksyen ini, sesuatu "bebanan" termasuklah gadaian, kaveat yang menyokong lien melalui pendepositan dokumen hakmilik, penahanan dalam pelaksanaan sesuatu dekri atau perintah lain mahkamah dan penahanan sebelum penghakiman dan "pembeban" termasuklah pemegang gadaian, pengkaveat yang telah menyebabkan didaftarkan kaveat itu seperti yang disebut terdahulu, pemiutang yang menahan dan plaintif yang memperoleh penahanan sebelum penghakiman.

**Pegangan anak negeri boleh dipajakkan atau dipindahkan hakmilik kepada Perbadanan Labuan atau Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**

18. Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini, tuan punya mana-mana pegangan anak negeri boleh memajakkan atau memindahkan hakmilik pegangan itu kepada Perbadanan Labuan atau Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

**Pegangan anak negeri boleh digadaikan kepada institusi kewangan**

19. (1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini, tuan punya mana-mana pegangan anak negeri boleh menggadaikan pegangan itu kepada mana-mana institusi kewangan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(2) Jawatankuasa Kerja Tanah boleh dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah kepada, memotong daripada atau meminda Jadual Kedua sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Pegangan anak negeri boleh dipindahkan hakmilik kepada badan berkanun, koperasi dan pertubuhan**

20. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), mana-mana pegangan anak negeri boleh dipindahkan hakmilik kepada mana-mana badan berkanun, koperasi atau pertubuhan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Dalam hal mana-mana pemindahan hakmilik pegangan anak negeri kepada koperasi atau pertubuhan, sekurang-kurangnya dua pertiga daripada anggotanya hendaklah merupakan anak negeri.

(3) Jawatankuasa Kerja Tanah boleh dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah kepada, memotong daripada atau meminda Jadual Ketiga sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Amanah Raya Berhad disifatkan sebagai anak negeri dalam hal tertentu**

21. (1) Bilamana apa-apa pemindahan hakmilik apa-apa pegangan anak negeri atau mana-mana bahagian yang belum dipecahkan

dalamnya kepada Amanah Raya Berhad sebagai pemegang amanah bagi seseorang anak negeri atau apa-apa perpindahan mana-mana pegangan anak negeri kepada Amanah Raya Berhad sebagai wakil seseorang anak negeri dikemukakan untuk pendaftaran kepada Pejabat Pendaftaran Labuan, pemindahan atau perpindahan hakmilik itu boleh didaftarkan, dan berhubung dengan pegangan anak negeri itu, Amanah Raya Berhad hendaklah disifatkan sebagai anak negeri.

(2) Dalam seksyen ini, Amanah Raya Berhad ertinya Amanah Raya Berhad yang diperbadankan menurut seksyen 3 Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [*Akta 532*].

### **Urusan yang berlawanan dengan Akta batal**

**22.** (1) Segala urusan atau pelupusan apa-apa pegangan anak negeri atau mana-mana bahagian yang belum dipecahkan bagi pegangan anak negeri itu mengikut apa-apa cara jua pun dan segala percubaan untuk berurusan mengenai atau melupuskan mana-mana pegangan anak negeri yang berlawanan dengan peruntukan Akta ini, adalah batal dan tidak sah dan tiada balasan yang dibayar menurut apa-apa urusan, pelupusan atau percubaan sedemikian boleh didapatkan dalam mana-mana mahkamah.

(2) Tiada tindakan bagi pelanggaran kontrak boleh diambil berkenaan dengan apa-apa urusan atau pelupusan atau apa-apa percubaan untuk berurusan mengenai atau melupuskan mana-mana pegangan anak negeri yang berlawanan dengan peruntukan Akta ini.

### **Kes yang meragukan hendaklah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi**

**23.** Rujukan hendaklah dibuat kepada Mahkamah Tinggi jika apa-apa keraguan timbul tentang kaedah kuat kuasa Akta ini atau cara yang menurutnya peruntukan Akta ini hendaklah ditafsirkan atau dilaksanakan berhubung dengan Akta ini.

### **Akta terpakai terhadap peruntukan undang-undang lain**

**24.** Jika dalam mana-mana hal apa-apa pertelingkahan timbul antara peruntukan Akta ini dengan peruntukan Kanun atau Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [*P.U. (A) 50/1980*], peruntukan Akta ini hendaklah terpakai.

## BAHAGIAN V RIZAB

## ANAK NEGERT

**Rizab Anak Negeri**

25. (1) Menteri boleh, jika difikirkannya perlu untuk melindungi kepentingan pada masa kini dan masa hadapan serta kesejahteraan anak negeri Wilayah Persekutuan Labuan, mengisytiharkan mana-mana kawasan tanah persekutuan, yang sempadannya telah diukur, sebagai Rizab Anak Negeri bagi apa-apa maksud yang diluluskan olehnya.

(2) Tiap-tiap perisytiharan hendaklah—

- (a) memperihalkan dengan lengkap tanah yang diisytiharkan sebagai Rizab Anak Negeri dan bagi maksud ini rujukan kepada tanah itu melalui nombor Lot Ukurnya hendaklah dianggap dan disifatkan sebagai perihalan lengkap mengenainya;
- (b) menyatakan maksud yang baginya tanah itu dirizabkan;
- (c) menyatakan terma dan syarat yang berdasarkan perizaban itu dibuat; dan
- (d) disiarkan dalam *Warta*.

(3) Menteri boleh, jika difikirkannya patut, melantik seorang pemegang amanah atau lebih untuk mengawal dan menguruskan mana-mana Rizab Anak Negeri yang diisytiharkan di bawah seksyen ini.

(4) Dalam mana-mana hal jika dibuktikan dengan memuaskan hati Pengarah Negeri bahawa-

- (a) pemegang amanah yang dilantik sedemikian enggan, abai atau gagal menjalankan tugasnya dengan cekap sebagai pemegang amanah atau telah mati, Menteri boleh, atas syor oleh Pengarah Negeri, melepaskan pemegang amanah yang ingkar dan melantik seorang pemegang amanah yang baru sebagai ganti pemegang amanah yang dahulunya dilantik atau telah mati; atau
- (b) anggota komuniti anak negeri yang demi kepentingannya dan yang bagi faedahnya Rizab Anak Negeri telah diisytiharkan dengan sengaja atau tanpa sebab yang

munasabah tidak mematuhi syarat-syarat yang rizab itu tertakluk, Menteri boleh, atas syor oleh Pengarah Negeri, menyebabkan rizab itu dibatalkan.

(5) Menteri boleh, jika difikirkannya patut, pada bila-bila masa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membatalkan perisytiharan mana-mana Rizab Anak Negeri atau sebahagian daripada mana-mana Rizab Anak Negeri di bawah Akta ini, atau selainnya menambah atau mengubah mana-mana terma atau syarat yang dikenakan pada Rizab Anak Negeri itu.

(6) Tiada dokumen hakmilik boleh didaftarkan berkenaan dengan mana-mana tanah di dalam Rizab Anak Negeri yang diisytiharkan di bawah seksyen ini.

(7) Mana-mana Rizab Anak Negeri yang diisytiharkan di bawah Ordinan Tanah sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, terus menjadi Rizab Anak Negeri.

(8) Seseorang yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini telah dilantik sebagai pemegang amanah yang baginya pelantikan boleh dibuat di bawah Akta ini hendaklah terus menjadi pemegang amanah sedemikian dan disifatkan bagi maksud Akta ini sebagai telah dilantik sedemikian di bawah Akta ini.

## BAHAGIAN VI

### PELBAGAI

#### **Kuasa Menteri untuk membuat kaedah**

**26.** Menteri boleh membuat apa-apa kaedah sebagaimana yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan maksud Akta ini.

#### **Pengecualian fi**

**27.** Tiada fi boleh dikenakan dalam hal yang berikut:

- (a) membuat atau membatalkan memorial di bawah subseksyen 6(2), 7(2), 8(2) atau 9(4);
- (b) penyampaian notis di bawah subseksyen 6(3) atau 9(3);  
dan

- (c) permohonan untuk mendaftarkan tanah sebagai pegangan anak negeri di bawah subseksyen 8(1) atau untuk membatalkan tanah daripada menjadi pegangan anak negeri di bawah subseksyen 9(1).

## JADUAL PERTAMA

## BORANG 1

## AKTA HAKMILIK ANAK NEGERI LABUAN 2006

[Subseksyen 4(1)]

## DAFTAR HAKMILIK ANAK NEGERI

No. Pegangan	Nama Tuan Punya atau Tuan-Tuan Punya	No. Hakmilik	No. Lot	Kawasan	Catatan

## BORANG 2 AKTA HAKMILIK

## ANAK NEGERI LABUAN 2006

[Subseksyen 5(2)]

## MEMORIAL PEGANGAN ANAK NEGERI

No. pegangan anak negeri: ..... raelalui Pemberitahuan *Warta*  
 No ..... , bertarikh ..... /mesyuarat Jawatankuasa Kerja  
 Tanah Wilayah Persekutuan Labuan bertarikh .....

Tarikh: .....

.....  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Wilayah Persekutuan Labuan*

BORANG 3

AKTA HAKMILIK ANAK NEGERI LABUAN 2006

[Subseksyen 5(3)]

KEHENDAK UNTUK MENYERAHKAN BALIK DOKUMEN  
HAKMILIK KELUARAN

Kepada .....

.....

.....

.....

.....

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 5(3) Akta Hakmilik Anak Negeri Labuan 2006, saya dengan ini menghendaki tuan, dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyampaian notis ini, menyerahkan kepada saya dokumen hakmilik keluaran bagi ..... (No. Hakmilik)..... (No. Lot) ..... (Kawasan) bagi maksud memasukkan memorial di dalamnya sebagai pegangan anak negeri.

Tarikh: .....

.....  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Wilayah Persekutuan Labuan*

BORANG 4

AKTA HAKMILIK ANAK NEGERI LABUAN 2006

[Subseksyen 7(1)]

PERMOHONAN BAGI PENDAFTARAN TANAH SEBAGAI PEGANGAN  
ANAK NEGERI

Kepada:  
Pendaftar Hakmilik, Wilayah  
Persekutuan Labuan

\*Saya/Kami.....\*tuan  
punya/tuan-tuan punya ..... (No. Hakmilik) .....  
(No. Lot) .....(Kawasan), ingin memohon supaya tanah tersebut  
didaftarkan sebagai pegangan anak negeri.

2. \*Saya/Kami kini mengemukakan bersama-sama ini dokumen hakmilik keluaran bagi tanah tersebut.

Tarikh: .....  
.....  
*Tandatangan Pemohon*

\* Potong jika tidak berkenaan

BORANG 5 AKTA HAKMILIK  
ANAK NEGERI LABUAN 2006  
[Subseksyen 8(1)]

PERMOHONAN SUPAYA TANAH DIBATALKAN DARIPADA MENJADI  
PEGANGAN ANAK NEGERI

Kepada:  
Pendaftar Hakmilik, Wilayah  
Persekutuan Labuan

\*Saya/Kami .....  
\*tuan punya/tuan-tuan punya..... (No. Hakmilik).....  
(No. Lot) ..... (Kawasan), ingin memohon supaya tanah tersebut  
dibatalkan daripada menjadi pegangan anak negeri bagi sebab/sebab-sebab  
yang berikut:

.....  
.....  
.....  
.....

Tarikh: .....  
.....  
*Tandatangan Pemohon*

Bagi Kegunaan Pejabat

Permohonan \*diluluskan/ditolak oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Labuan dalam mesyuaratnya pada .....

Tarikh: .....  
.....  
*Pendaftar Hakmilik  
Wilayah Persekutuan Labuan*

\* Potong jika tidak berkenaan

BORANG 6

AKTA HAKMILIK ANAK NEGERI LABUAN 2006

[Subseksyen 8(3)]

NOTIS PEMBATALAN PEGANGAN ANAK NEGERI

Kepada:

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Saya dengan ini raemberitahu tuan bahawa permohonan tuan bertarikh ..... untuk membatalkan tanah ..... (No. Hakmilik) ..... (No. Lot) ..... (Kawasan) ..... daripada menjadi pegangan anak negeri telah \*diluluskan/ditolak oleh Jawatankuasa Kerja Tanah bagi Wilayah Persekutuan Labuan dalam mesyuaratnya pada .....

2. \*Dalam hal permohonan tuan diluluskan, tuan dengan ini diminta untuk mengemukakan kepada saya, dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyampaian notis ini, dokumen hakmilik keluaran bagi tanah tersebut bagi maksud mengkenselkan memorial di dalamnya sebagai pegangan anak negeri, yang kegagalan tuan untuk berbuat demikian mengakibatkan keputusan di atas luput.

Tarikh:.....

.....  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Wilayah Persekutuan Labuan*

\* Potong jika tidak berkenaan

JADUAL KEDUA

[Subseksyen 19(1)]

SENARAI INSTITUSI KEWANGAN

Affin Bank Berhad AFFIN-ACF  
Finance Berhad Affin Merchant  
Bank Berhad Alliance Bank  
Malaysia Berhad Alliance  
Merchant Bank Berhad Am Bank  
Berhad Am Finance Berhad Am  
Merchant Bank Berhad

Bumiputra-Commerce Bank Berhad  
Bumiputra-Commerce Finance Berhad  
Commerce International Merchant Bankers Berhad  
EON Bank Berhad  
EON Finance Berhad  
Malaysian International Merchant Bankers Berhad  
Hong Leong Bank Berhad  
Malayan Banking Berhad  
Mayban Finance Berhad  
Aseambankers Malaysia Berhad  
Public Bank Berhad  
Public Finance Berhad  
Public Merchants Bank Berhad  
RHB Bank Berhad  
RHB Delta Finance Berhad  
RHB Sakura Merchant Bankers Berhad  
Southern Bank Berhad  
Southern Finance Berhad  
Southern Investment Bank Berhad  
Utama Merchants Bank Berhad  
Kewangan Bersatu Berhad  
Bank Industri Berhad  
Bank Negara Malaysia  
Bank Islam Malaysia Berhad  
Bank Muamalat Malaysia Berhad  
Malaysia Industrial Development Finance Berhad  
Bank Pembangunan Malaysia Berhad  
Bank Pertanian Malaysia  
Sabah Development Bank Berhad

## JADUAL KETIGA

[Subseksyen 20(1)]

## SENARAI BADAN BERKANUN, KOPERASI DAN PERTUBUHAN

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja  
Koperasi Pekerja-Pekerja Kerajaan Sabah Berhad

Lembaga Pertubuhan Peladang  
Lembaga Tabung Haji  
Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar  
Koperasi Pembangunan Desa  
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia

---

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran hakmilik anak negeri di Labuan dalam Daftar Hakmilik Anak Negeri, urusan mengenai pegangan anak negeri dan pengisytiharan Rizab Anak Negeri dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

2. Bahagian I Rang Undang-Undang ini mengandungi perkara permulaan.

*Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas, pemakaian dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

*Fasal 2* mengandungi takrif beberapa ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

3. Bahagian II Rang Undang-Undang ini mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pegangan anak negeri dan daftar hakmilik anak negeri.

*Fasal 3* memperuntukkan bahawa mana-mana hakmilik anak negeri yang didaftarkan di bawah Ordinan Tanah Sabah hendaklah disifatkan sebagai pegangan anak negeri apabila Akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa.

*Fasal 4* mengadakan peruntukan bagi Daftar Hakmilik Anak Negeri yang hendaklah mengikut bentuk yang ditetapkan di bawah Akta yang dicadangkan dan bagi penyenggaraannya.

*Fasal 5* mengandungi peruntukan tentang memorial pada dokumen hakmilik.

*Fasal 6* memperuntukkan bahawa Jawatankuasa Kerja Tanah boleh memutuskan bahawa mana-mana tanah yang diluluskan bagi pemberian hakmilik hendaklah didaftarkan sebagai pegangan anak negeri.

*Fasal 7* memperkatakan permohonan bagi pendaftaran tanah sebagai pegangan anak negeri manakala *fasal 8* memperkatakan permohonan bagi pembatalan pegangan anak negeri.

4. Bahagian III memperkatakan sekatan ke atas urusan pegangan anak negeri.

*Fasal 9* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi, tertakluk kepada *fasal 18, 19* dan *20*, sekatan ke atas pegangan anak negeri daripada dipindahkan hakmilik, dipajakkan atau selainnya dilupuskan kepada bukan anak negeri.

*Fasal 10* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa pelaksanaan tiap-tiap memorandum pindah hakmilik, gadaian atau pajakan sesuatu pegangan anak negeri bagi pihak tuan punya oleh wakil bukan anak negeri adalah batal.

*Fasal 11* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa apa-apa lien melalui pendepositan dokumen hakmilik keluaran bagi mana-mana pegangan anak negeri sebagai cagaran bagi sesuatu hutang tidak boleh diwujudkan yang memihak kepada mana-mana orang.

*Fasal 12* bertujuan untuk melarang kemasukan kaveat persendirian ke atas mana-mana pegangan anak negeri oleh bukan anak negeri.

*Fasal 13* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa sesuatu pegangan anak negeri tidak boleh diletakhakkan dengan Ketua Pengarah Insolvensi atas kebankrapan tuan punya apabila Akta yang dicadangkan mula berkuat kuasa.

*Fasal 14* bertujuan untuk melarang penahanan pegangan anak negeri dalam melaksanakan sesuatu dekri atau perintah mana-mana mahkamah melainkan jika tindakan itu telah dimulakan sebelum permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan yang dalamnya dekri atau perintah itu dibuat.

*Fasal 15* bertujuan untuk melarang sesuatu amanah atau amanah yang dikatakan yang diwujudkan berkenaan dengan mana-mana pegangan anak negeri oleh tuan punya pegangan anak negeri yang memihak kepada atau bagi faedah bukan anak negeri.

*Fasal 16* bertujuan untuk menyekat apa-apa pemberian probet atau surat kuasa mentadbir diletakhakkan pada mana-mana pegangan anak negeri oleh mana-mana wasi atau pentadbir yang bukan anak negeri.

5. Bahagian IV mengandungi peruntukan yang membenarkan antara lain, sesuatu pegangan anak negeri dijual atau dipajakkan.

*Fasal 17* membenarkan penjualan pegangan anak negeri oleh pembeban.

*Fasal 18* bertujuan untuk membolehkan pegangan anak negeri dipajakkan atau dipindahkan hakmilik kepada Perbadanan Labuan atau Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

*Fasal 19* bertujuan untuk membolehkan pegangan anak negeri digadaikan kepada institusi kewangan manakala *fasal 20* memperkatakan pemindahan hakmilik anak negeri kepada badan berkanun, koperasi dan pertubuhan.

*Fasal 21* bertujuan untuk membolehkan Amanah Raya Berhad dan Pentadbir Rasmi untuk bertindak sebagai anak negeri dalam hal tertentu.

*Fasal 22* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi semua urusan atau pelupusan pegangan anak negeri yang berlawanan dengan Akta yang dicadangkan adalah batal.

*Fasal 23* bertujuan untuk menghendaki rujukan dibuat kepada Mahkamah Tinggi jika apa-apa keraguan timbul tentang kaedah kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

*Fasal 24* menyatakan bahawa jika terdapat apa-apa percanggahan dengan undang-undang lain, Akta yang dicadangkan akan terpakai.

6. Bahagian V memperkatakan rizab anak negeri.

*Fasal 25* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk mengisytiharkan mana-mana kawasan tanah persekutuan menjadi Rizab Anak Negeri.

7. Bahagian VI mengandungi peruntukan pelbagai.

*Fasal 26* bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat kaedah-kaedah bagi maksud melaksanakan maksud Akta yang dicadangkan.

*Fasal 27* memperkatakan pengecualian fi dalam hal tertentu.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2417]